

Naib Canselor lancar logo Institut Confucius UMS

NST 20.02.20 8

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin menyempurnakan Majlis Pelancaran Logo Institut Confucius (CI), UMS di sini, kelmarin.

Majlis berlangsung di Bangunan Canselori UMS dengan disaksikan Konsul-Jeneral China di Sabah, Liang Caide; Pengarah CI UMS, Prof. Dr. Low Kok On; serta Pegawai-pegawai Utama dan Kanan unuversiti.

Berucap pada majlis itu Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap berkata, CI kini bersama Fakulti Kejuruteraan (FKJ) sedang merangka beberapa jalinan kerjasama antarabangsa.

"Antaranya, CI UMS kini giat dalam membincangkan jalinan kerjasama akademik antara FKJ dengan Changsha Universiti of Science and Technology.

"Selain itu, turut dibincangkan kerjasama pertukaran kepakaran teknologi antara FKJ UMS dengan sebuah syarikat gergasi di China, iaitu CCCC Dredging (Group) Co. Ltd yang dilihat mampu memberi manfaat besar kepada kedua belah pihak," katanya.

Menurut beliau, CI dalam masa yang sama juga telah mengeluarkan iklan pengambilan kumpulan pelajar pertama yang ingin mempelajari bahasa Mandarin.

Ujar Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap, kelas akan

dijalankan pada setiap hari Sabtu, dan untuk permulaan, keutamaan akan diberikan kepada staf dan anak-anak staf UMS dengan tawaran yuran istimewa.

"Kelas-kelas bahasa Mandarin dari tahap 1 hingga tahap 6 ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa ke peringkat sekolah-sekolah, agensi-agensi kerajaan serta swasta di seluruh Sabah.

"Semoga semua staf UMS mengambil peluang keemasan ini untuk mempelajari bahasa Mandarin," jelas beliau.

Menyentuh mengenai pelancaran logo CI, beliau memaklumkan ia merupakan satu lagi detik bersejarah buat penubuhan Institut Confucius di UMS.

"Logo Institut ini mempunyai bentuk lingkaran sfera yang mengekalkan tiga warna utama logo UMS, iaitu kuning, merah dan biru di samping peta Sabah dan logo Hanban, ibu pejabat Institut Confucius di China.

"Kesatuan daripada semua lambang baik antara UMS, negeri Sabah dan Hanban terkandung dalam logo CI ini," tambahnya.

Majlis itu juga turut diisi dengan tayangan video sebagai kempen sokongan dan tanda simpati warga UMS terhadap rakyat di negara China yang berdepan dengan ancaman Covid-19 khususnya di Bandar Wuhan.



TAUFIQ melancarkan Logo Institut Confucius UMS